

RM600 juta bina prasarana Pulau Banding

EMKAY Group menjangkakan kos memajukan prasarana untuk menjadikan Pulau Banding sebagai destinasi eko-pelancongan bertaraf dunia akan mencecah sehingga RM600 juta.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata pembangunan Pulau Banding juga akan menjadikannya pintu masuk ke Hutan Diraja Belum, berusia 130 juta tahun yang menyimpan khazanah alam tidak ternilai.

Beliau memberi jaminan pembangunan di pulau itu tidak akan memberi kesan kepada alam sekitar kerana kerja akan dilakukan secara manual walaupun terpaksa menanggung kos tinggi.

"Apa yang penting alam sekitar dan kehidupan di kawasan berkenaan tidak akan terjejas akibat pembangunannya," katanya pada taklimat media di Gerik, Perak, baru-baru ini.

Beliau berkata, projek pembangunan akan dilakukan secara berpe-

ringkat dalam tempoh 10 tahun yang mana RM300 juta akan dibelanjakan dalam tempoh lima tahun pertama yang dipecahkan kepada tiga fasa.

Mustapha Kamal berkata, kos keseluruhan kos dalam fasa pertama ialah RM100 juta membabitkan kerja menaik taraf kemudahan dan menambah bilik daripada 27 kepada 120 di Banding Island Resort (RM87 juta), pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) (RM7 juta) dan Pusat Penyelidikan Lapangan (RM6 juta).

"Menyedari khazanah Hutan Diraja Belum yang kaya dengan tumbuhan, kami mengambil keputusan untuk membina pusat kajian yang lengkap dengan kemudahan asas bagi memudahkan penyelidik tempatan dan antarabangsa serta badan bukan kerajaan (NGO) menjalankan kajian.

"Kami berharap dengan adanya pusat itu, penawar bagi penyakit seperti kanser akan ditemui di Hutan Diraja Belum. Ia bukan saja memberi

manfaat kepada negara tetapi penduduk seluruh dunia yang menderita akibat sesuatu penyakit," katanya.

Mustapha Kamal berkata, menyedari kepentingan kajian itu, Yayasan Emkay sedia menanggung kos pembinaannya berjumlah RM6 juta.

Selain itu, beliau berkata, pembangunan di Pulau Banding tidak akan meminggirkan penduduk tempatan kerana kawasan R&R yang mengandungi 12 kedai dengan kos keseluruhan RM7 juta akan membuka ruang kepada peniaga tempatan dan Orang Asli memasarkan produk masing-masing antaranya makanan dan kraftangan.

"R&R juga akan dilengkapi pusat penerangan bagi memudahkan pelancong asing mendapat maklumat tepat mengenai Hutan Diraja Belum serta pakej disediakan untuk melawat kawasan sekitarnya," katanya.

Sementara itu, fasa kedua membabitkan kos RM116 juta pula akan menjurus kepada pembangunan se-

cara eksklusif kerana syarikat korporat antarabangsa akan terbabit sama dalam projek berkenaan.

"Pembangunan secara eksklusif ini akan ditawarkan kepada syarikat korporat, pelancong dari luar negara dan individu sebagai rumah peranginan," katanya.

Mustapha Kamal berkata, fasa ketiga pula akan bertumpu kepada pembinaan hotel peranginan lima bintang di bahagian utara Pulau Banding untuk dijadikan tempat kunjungan pelancong yang mahu melawat Hutan Diraja Belum atau menikmati keindahan semula jadi.

"Kita juga faham kadang-kadang pelancong yang datang dengan anak mahu aktiviti mencabar dan aktif untuk dilakukan bersama, justeru kita akan mewujudkan pelbagai kemudahan rekreasi seperti 'Canopy Walk' dan trek hutan di kawasan khas dikenali sebagai Taman Rekreasi Pulau Banding," katanya.